

**Najib, Menteri Kabinet Sertai Program Kayuh Basikal Sekitar Putrajaya
Bernama
3 April, 2013**

PUTRAJAYA, 3 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menyertai kira-kira 10,000 peserta dalam Program Kayuhan Patriotik 1Malaysia di sekitar pusat pentadbiran kerajaan persekutuan ini, yang menjadi program pertama beliau melibatkan khalayak ramai selepas mengumumkan pembubaran Dewan Rakyat Rabu.

Ia juga berlangsung pada hari genap empat tahun Najib menjadi perdana menteri keenam Malaysia.

Najib yang mengetuai konvoi bersama Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan menteri-menteri Kabinet mengayuh basikal sejauh 12 km dalam acara bermula 5.20 petang itu.

Turut serta Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim dan timbalannya Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen, Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa, Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek serta timbalannya Datuk Razali Ibrahim.

Cetusan idea Najib sendiri, program kayuhan itu bermula di depan Kementerian Kewangan dan berakhir di depan Istana Kehakiman.

Ia terbahagi kepada dua laluan iaitu Kayuhan Ceria sejauh 12 km dan Kayuhan Cergas sejauh 20 km.

Peserta terdiri daripada kalangan warga pelbagai kementerian, anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), ketiga-tiga cabang Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, anggota badan-badan bukan kerajaan, wakil-wakil komuniti dan orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Program ini dianjurkan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya, Yayasan Rakyat 1Malaysia, Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan serta PDRM.

Isteri Perdana Menteri Datin Sri Rosmah Mansor turut hadir menyaksikan majlis pelepasan.

Di samping itu, Tabung Wira Lahad Datu turut disediakan bagi mereka yang ingin membantu meringankan beban anggota keluarga anggota keselamatan yang terkorban dalam insiden pencerobohan pengganas di timur Sabah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939302>